

U. M. - 8 APRIL 1972

KUALA LUMPUR 7

April — Dr. Maha-

thir bin Mohammad, hari ini menafikan yang beliau menjadi ahli atau pun mempunyai hubungan dengan projek Kolej Genting Highland yang diranchangkan itu.

Menurutnya, beliau tidak ada kena mengena dengan projek tersebut dan dakwaan pihak tertentu yang mengatakan bahawa beliau turut menyokong pembentakan kolej itu adalah tidak betul.

Dr. Mahathir yang tiba di sini sa-kembali-nya dari berkempen membantu chalon Perkatan Tan Sri Ghazali Shafie di-Lipis menyatakan bahawa beliau telah menarek diri dari kegiatan menjayakan kolej itu sejak lebeh dari setahun lalu.

Surat

Kata-nya, "Saya telah pun menulis surat kepada pihak berkenaan penubuhan kolej itu setahun lalu dan memberitahu mereka bahawa saya tidak mahu di libatkan dalam kegiatan mereka."

"Tetapi telah sampai ka-
pengetahuan saya bahawa nama saya maseh lagi di-gunakan oleh pihak peranchang kolej itu sa-hingga sekarang dalam semua kegiatan mereka," tegas beliau.

Beliau berharap orang ramai tidak akan terkeliru dengan dakwaan2 pihak tertentu itu.

Dr. Mahathir adalah bekas ahli Parlimen Kawasan Kota Setar Selatan dan juga Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi Malaysia.